

ARE WOMEN READY FOR KEY POSITIONS?

CHANCES • CHOICES • CHALLENGES





ARTIST DELPHINE SAIRA GOMEZ

IN NATURE, WE SEE THAT EVERYTHING GROWS TOWARDS THE LIGHT.

HOW WELL EACH SPECIES ADAPTS TO ITS ENVIRONMENT DEPENDS ON HOW CREATIVELY IT ABSORBS LIGHT AND ENERGY. WOMEN IN THE WORKPLACE NEED TO LET NATURE BE THEIR TEACHER.

TO QUOTE WORDSWORTH IN HIS POEM *THE TABLES TURNED* (1798):


“one impulse from a vernal wood can teach you more of man of moral evil and of good than all the sages can”

ARAS 1-4 BLOCK E
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN
BUKIT PERDANA
JALAN DATO' ONN
50515 KUALA LUMPUR

TEL 603 2693 0095 FAKS 603 2693 8498

E-MEL info@kpwkm.gov.my LAMAN WEB www.kpwkm.gov.my





ARE WOMEN
READY FOR
KEY POSITIONS?

CHANCES, CHOICES, CHALLENGES



ISI KANDUNGAN

- 4 PERUTUSAN MENTERI
YB DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL
- 8 PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA
YBHG DATUK FAIZAH MOHD TAHIR
- 14 LAPORAN MENYELURUH SIDANG KEMUNCAK WANITA 2006
- 24 UCAPAN DASAR
YB DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

PANEL PERDANA: PROSIDING SIDANG KEMUNCAK WANITA 2006

- 30 ADAKAH WANITA BERSEDIKA UNTUK MENYANDANG JAWATAN PENTING?
PILIHAN, PELUANG DAN CABARAN
DR NOELEEN HEYZER
- 33 ADAKAH WANITA BERSEDIKA UNTUK MENYANDANG JAWATAN PENTING?
PILIHAN, PELUANG DAN CABARAN
DATO' DR NG YEN YEN

PERBINCANGAN PANEL

- 36 WALKING THE TALK: WHAT WORKS FOR WOMEN
 - MOHD ASHRAF IQBAL
 - DAVID FULLER
 - DATUK PETER WENTWORTH
 - DR HAMIDAH MARICAN
- 41 JUMPING OUT OF YOUR COMFORT ZONE
ELIZABETH CARLASSARE
- 44 ROWING UPSTREAM
DIANA ROSE



C O N T E N T S

- 6 MINISTER'S MESSAGE
YB DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL
- 10 MESSAGE FROM THE SECRETARY GENERAL
YBHG DATUK FAIZAH MOHD TAHIR
- 20 WELCOME MESSAGE
YBHG DATUK FAIZAH MOHD TAHIR
- 48 AN OVERVIEW OF THE WOMEN'S SUMMIT 2006

PANEL PERDANA: WOMEN'S SUMMIT 2006 PROCEEDINGS

- 52 ARE WOMEN READY FOR KEY POSITIONS?
DR NOELEEN HEYZER
- 60 ARE WOMEN READY FOR KEY POSITIONS?
DATO' DR NG YEN YEN
- 63 PANEL PERDANA Q & A

THE WOMEN'S SUMMIT EXPERT SERIES

- 66 WALKING THE TALK: WHAT WORKS FOR WOMEN
• MOHD ASHRAF IQBAL
• DAVID FULLER
• DATUK PETER WENTWORTH
• DR HAMIDAH MARICAN
- 74 JUMPING OUT OF YOUR COMFORT ZONE
ELIZABETH CARLASSARE
- 77 ROWING UPSTREAM
DIANA ROSE

PERUTUSAN

YB DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



SEKAPUR SIREH

Hampir setiap hari kita mendengar atau membaca laporan tentang wanita dilantik memegang jawatan tinggi, sama ada dalam kerajaan, dunia korporat, akademik, NGO dan lain-lain. Baru-baru ini, dua orang wanita yang berkaliber telah dilantik sebagai Naib Canselor dua buah universiti yang terulung di Malaysia: YBhg Datuk Rafiah Salim sebagai Naib Canselor Universiti Malaya; dan Y. Bhg. Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin sebagai Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia.

Belum pernah sebelum ini wanita memegang jawatan yang sebegitu tinggi dalam bidang akademik di negara kita. Kami di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berbangga dengan kejayaan mereka. Kejayaan mereka adalah untuk seluruh masyarakat, bukan untuk wanita sahaja. Kami percaya, jawatan yang terbaik hendaklah diberikan kepada orang yang paling layak untuk menjawatnya – sama ada lelaki atau wanita. Kami bimbang kerana ramai wanita yang berpotensi menjadi orang yang terbaik untuk sesuatu jawatan tidak mendapat persekitaran yang sesuai untuk mencapai potensi mereka. Apabila ini berlaku, bukan wanita yang berpotensi tinggi ini sahaja yang rugi, bahkan seluruh negara akan rugi.



Di Sidang Kemuncak ini, kita mengajukan persoalan yang perlu ditangani sebelum kita boleh mencapai kesaksamaan gender, khususnya: *ADAKAH WANITA SUDAH BERSEDIA UNTUK JAWATAN-JAWATAN PENTING?* Untuk menjawab soalan ini, kita perlu menangani isu-isu natijah *Pilihan, Peluang & Cabaran*.

Sesetengah daripada pilihan, peluang dan cabaran ini secara khusus ditujukan kepada wanita. Bagaimanapun, terdapat juga pilihan, peluang dan cabaran yang perlu dihadapi oleh masyarakat secara keseluruhan untuk menyokong wanita. Saya teruja dengan tema Sidang Kemuncak tahun ini, dan saya tidak sabar untuk mengikuti perbincangan mengenainya. Bagaimanapun, matlamatnya bukan sahaja untuk berbincang, tetapi juga untuk mengambil tindakan. Kami di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited untuk membuat perubahan yang diperlukan ini, bagi menggalakkan wanita yang berpotensi supaya bersedia untuk mengambil jawatan-jawatan penting.



MESSAGE FROM

YB DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

MINISTER OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT



Almost every day, we hear of women acquiring top positions, whether in the government, the corporate world, academia, in NGOs or in other spheres. Only recently, we have seen two brilliant women being named Vice Chancellors of top universities in Malaysia: YBhg Datuk Rafiah Salim as Vice Chancellor of our premier university, the University of Malaya; and YBhg Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin as Vice Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia. For women in Malaysia, this is a coup. Never before have women held such high positions in academia in the country.

We at the Ministry of Women, Family and Community Development are heartened by such success stories. But we see these as success stories for the whole community, and not just for women. We believe that the best jobs should be given to the persons most qualified for them – either man or woman. Our concern is that many women who have the potential of being the best man for the job are not being given the right environment to realise this potential. When that happens, not only do these high-potential women lose out, but so does the entire nation.



At this Summit, we ask a question that needs to be addressed before we could possibly achieve that utopia of gender equity, namely: *ARE WOMEN READY FOR KEY POSITIONS?*

In order to answer this question, we need to deal with the corollary issues of *Choices, Chances & Challenges*. Some of the choices, chances and challenges apply specifically to women. However, there are also choices, chances and challenges that society as a whole needs to face up to in order to support women.

I am very excited about this year's theme, and am looking forward to the ensuing discussions. The aim, however, is not just to talk, but to take action. For our part, we at the Ministry are committed to making those changes that are necessary to encourage women who are ready to assume key positions.



PERUTUSAN

YBHG DATUK FAIZAH MOHD TAHIR

KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



SEULAS PINANG

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan Sidang Kemuncak Wanita sejak tahun 2003, kerana kami benar-benar percaya bahawa ia menyediakan peluang untuk perbincangan secara jujur dan terbuka, antara lelaki dan wanita, mengenai isu-isu kemajuan wanita di tempat kerja. Kami berharap, menerusi pendapat dan pengalaman yang disuarakan, kita akan lebih memahami cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita, dan perubahan-perubahan yang perlu untuk mengoptimumkan potensi dan keupayaan mereka.

Kemajuan wanita adalah satu isu yang sangat kompleks. Ia dikaitkan dengan nilai-nilai budaya, pegangan agama, cara pemikiran dan banyak faktor lain yang diperlihatkan dalam dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang digariskan oleh kerajaan. Semakin majmuk negara kita, semakin bercambah sudut pandangan dan titik permulaan yang boleh menjanakan kemajuan.

Tidak seperti lelaki, keputusan kerjaya seseorang wanita tidak bergantung semata-mata kepada dirinya. Disebabkan kewajipan kepada keluarga, seseorang wanita biasanya tidak dapat memberikan komitmen 100 peratus kepada kerjaya. Jadi, bila kita bertanya: *"ADAKAH WANITA SUDAH BERSEDIA UNTUK JAWATAN-JAWATAN PENTING?"*, kita bukan bertanya sama ada wanita mempunyai kelayakan untuk memegang jawatan penting. Dalam banyak kes, jawapan kepada soalan mudah ini ialah "ya".



Apa yang kami maksudkan ialah sama ada wanita sudah bersedia untuk membuat pilihan yang pasti – sesetengah daripadanya amat sukar – untuk menempuh ranjau terakhir dalam perjalanan menuju ke puncak kerjaya pilihan mereka.

Sidang kemuncak kali ini akan memberi tumpuan kepada *Pilihan, Peluang & Cabaran* yang perlu ditangani oleh wanita, lelaki, masyarakat, kerajaan dan pelbagai agensi jika kita ingin membebaskan wanita daripada belenggu yang mengekang dan membataskan pilihan mereka serta kemajuan profesional mereka. Pengupayaan wanita benar-benar menuntut perubahan paradigma yang memerlukan sokongan dan kerjasama pelbagai sektor yang terbabit.

Kementerian sangat komited untuk mewujudkan persekitaran kerja yang saksama untuk wanita. Untuk itu, kami perlu mendengar daripada wanita, dan juga lelaki, apa yang diperlukan untuk mewujudkan persekitaran yang sedemikian. Lebih banyak suara yang kita dengar, lebih baik kefahaman yang akan kita perolehi. Justeru itu, gunakan peluang ini untuk menyuarakan pandangan anda.

Dalam hidup ini, kita sering mengambil pendirian pasif kerana kita merasakan, sebagai individu, kita tidak berupaya melakukan sesuatu yang bermakna dan boleh membawa perbezaan. Sidang Kemuncak ini memberi peluang kepada ramai individu untuk menyuarakan isi hati mereka, dan merasa yakin bahawa dengan berbuat demikian, anda menyumbang kepada perubahan yang bermakna kepada separuh daripada penduduk negara ini.

MESSAGE FROM

YBHG DATUK FAIZAH MOHD TAHIR


SECRETARY GENERAL, MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND
COMMUNITY DEVELOPMENT



The Ministry of Women, Family and Community Development has been organising the Women's Summit since 2003. We have been doing so because we truly believe these summits present an opportunity for open and honest discussion, between men and women, on issues concerning women's progress at the workplace. Our hope is that, through the opinions and experiences voiced, there can be better understanding of the challenges that face women, and the changes that are necessary to optimise their capabilities.

The advancement of women is necessarily a very complex issue. It is related to cultural values, religious beliefs, traditional mindsets and numerous other factors that tend to be reflected in policies and regulations as outlined by the government. The more pluralistic the nation, the more divergent the viewpoints and starting points from which any progress can be made. In many senses, a woman's career decisions, unlike those of a man, do not rest solely on her. Because of her familial obligations, a woman is often unable to commit 100 per cent to her career. So, when we ask: "**ARE WOMEN READY FOR KEY POSITIONS?**" we are not asking if women have the credentials to take up key positions. In many cases, the answer to this simple question would be a resounding "yes". What we are asking is if women are prepared to make certain choices – some of which will be difficult – to take that last rocky path to reach the zenith of their chosen careers.





At this summit, the focus will be on those *Choices, Chances and Challenges* that women, men, society, the government and corporations need to grapple with if we are to free women from the shackles that confine them and restrict their options vis-à-vis their professional growth. Such true empowerment to women entails nothing less than a paradigm shift which requires the endorsement and cooperation of the various sectors concerned.

The Ministry is committed to establishing an equitable working environment for women. In order to do this, we need to know from women, and men, what it takes to create such an environment. The more voices we hear, the better our understanding. So, do please take this opportunity to express your views. Too often in life, we adopt a passive stance because we feel the individual cannot possibly make a difference. This is an opportunity for many individuals to speak out, and feel confident that in doing so, you are contributing towards lasting and meaningful change for half of this nation's population.





LAPORAN MENYELURUH SIDANG KEMUNCAK WANITA 2006



Sidang Kemuncak Wanita ke-4 yang berlangsung pada 24 Ogos 2006 merupakan salah satu acara yang dijayakan oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat yang mengutarakan isu-isu yang dihadapi wanita dalam dunia pekerjaan. Tema *ADAKAH WANITA BERSEDIA UNTUK PERANAN YANG PENTING? Pilihan, Peluang dan Cabaran* memberikan peluang bagi 1,400 wanita yang menyertai sidang tersebut mendapat inspirasi dan perangsang menerusi sesi perbincangan dengan penceramah yang berpengetahuan dan berpengalaman. Para peserta mendapat peluang untuk bertukar fikiran dan pendapat dengan wanita-wanita Malaysia yang berjaya.

Yang Berbahagia Datuk Faizah Mohd Tahir, Ketua Setiausaha Kementerian, di dalam ucapan alu-aluannya telah memperakui bahawa terdapat ketidakseimbangan di antara bilangan wanita di institusi pengajian tinggi dengan golongan wanita yang memegang



jawatan tinggi dalam semua sektor di kalangan masyarakat Malaysia. Tidak boleh dinafikan bahawa golongan wanita dilihat sebagai tidak memilih cabaran untuk menjadi pemimpin tahap tertinggi atau mereka terus meninggalkan kerjaya sama sekali. Keadaan inilah yang telah menghidupkan tema Sidang Kemuncak tahun ini. Sebagai sebuah platform untuk golongan wanita meluahkan dan memberi pendapat, Datuk Faizah menekankan bahawa peranan Sidang Kemuncak ini adalah untuk mengenalpasti isu-isu yang membawa kepada trend ini dan menerusi perbincangan ini, membolehkan Kementerian melaksanakan dasar yang lebih relevan dan berkesan bagi wanita di Malaysia.

Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, dalam ucapan dasar beliau, memperkatakan bahawasanya, wanita mempunyai sifat-sifat yang penting sebagai seorang pemimpin. Ciri-ciri wanita seperti perspektif mereka yang unik, kreativiti tinggi, kerjasama dan naluri mereka yang perihatin, mempertingkatkan kualiti suasana bekerja. Ciri-ciri ini dianggap amat penting bagi negara yang membangun. Beliau berharap Sidang Kemuncak ini akan membawa kepada pelbagai perbincangan dan dialog yang akan memberikan pendekatan inovatif yang berupaya membantu wanita mengharungi cabaran globalisasi tanpa mengabaikan kualiti kehidupan dan integriti keluarga mereka.

Pada masa yang sama, adalah diakui bahawa wanita menghadapi kekangan dalam usaha mereka mengimbangi kewajipan mereka di rumah dan di tempat kerja. Mereka juga mempunyai peranan tradisi sebagai penjaga dan ramai daripada golongan wanita memainkan peranan sebagai penjaga kepada anak-anak kecil dan juga ibubapa yang sudah tua. Pada masa yang sama, mereka menghadapi suasana pekerjaan di mana kedudukan tertinggi menekankan kemampuan untuk memberikan dedikasi sepenuhnya kepada pekerjaan dan menepikan tanggungjawab mereka yang lain.



Tambahan pula, wanita di Malaysia juga menghadapi masalah dari segi persepsi mundur mengenai peranan wanita dalam masyarakat sejagat. Sebagai contoh, wanita yang mempunyai cita-cita berasa kecewa dengan sesetengah pendapat bahawa wanita hanya berperanan sampingan dan dianggap hilang sifat kewanitaan mereka apabila mengharapkan sesuatu yang lebih daripada itu.

“Saya percaya cabaran kita yang paling ketara ialah dalam membentuk pemikiran baru bahawa wanita yang memegang peranan sebagai pemimpin adalah sangat penting dalam sebuah masyarakat yang dinamik, inovatif, produktif dan perihatin. Kita perlukan lelaki dan wanita yang mempunyai pendekatan yang lebih mendalam terhadap kepimpinan, yang berteraskan nilai-nilai murni dan kebaikan sejagat”.

Dato’ Sri Shahrizat dalam kesimpulan ucapannya, menaruh harapan supaya Sidang Kemuncak ini berupaya memangkinkan perbincangan yang terbuka mengenai isu-isu berkenaan perkembangan wanita dalam sektor pekerjaan. Beliau juga mengharapkan perbincangan tersebut akan membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita dan juga perubahan yang diperlukan untuk mempertingkatkan lagi daya saing dan kemampuan mereka.

Pembentang Panel Perdana, Dato’ Dr Ng Yen Yen dan Dr Noeleen Heyzer memberi pandangan dari pengalaman mereka sebagai pemimpin. Walaupun kedua-duanya mempunyai pengalaman dan latar belakang profesional yang berbeza, Dato’ Ng Yen Yen sebagai Pengerusi Wanita MCA dan Dr Heyzer sebagai Direktor Eksekutif UNIFEM, mereka berpendapat bahawa untuk mengorak langkah bagi memantapkan lagi diri mereka, wanita seharusnya menyertai bidang politik dengan lebih meluas. Wanita seharusnya menyahut cabaran untuk berjuang supaya memenuhi peranan






pemimpin yang tertinggi di dalam masyarakat jika mereka ingin menjadi pemangkin perubahan yang positif di dalam komuniti mereka.

Sesi Pakar pula menonjolkan ahli-ahli CEO Solutions sebuah firma perunding terdiri daripada ketua-ketua pegawai eksekutif yang amat berpengalaman bagi berkongsi fikiran menerusi sesi *Walking the Talk: What Works for Women – The CEO Factor*. Sesi ini dikendalikan oleh Tony Heneberry, pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PDQ.

Datuk Peter Wentworth, Ketua Pegawai Eksekutif BP Asia Pacific apabila ditanya “Mengapa lebih ramai wanita diperlukan dalam bidang perniagaan?”, mengatakan bahawa mereka yang di dalam bidang perniagaan, terutamanya pada masa kini, menganggap pembabitan sebagai amalan yang strategik. Tambah beliau, “Bidang perniagaan kini memerlukan pembabitan wanita yang lebih menyeluruh untuk mendapatkan faedah sepenuhnya dari segi pemikiran yang luas dan kemampuan untuk menangani masalah, membuat keputusan dan dalam pengurusan strategi”.



Beliau menerangkan bahawa untuk meningkatkan daya saing di dalam pasaran global, bidang perniagaan perlukan strategi yang menyeluruh. Oleh itu penyertaan wanita yang berwibawa adalah sangat penting.

Mohd Ashraf yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Federal Auto Malaysia, mengatakan bahawa wanita perlu bersifat lebih asertif dan tegas dalam memperjuangkan isu-isu yang unik kepada mereka. Beliau menekankan bahawa persekitaran pekerjaan seharusnya menyokong dan lebih perihatin terutamanya terhadap keperluan wanita yang kadang kalanya juga merupakan

seorang ibu. Kemajuan dari segi teknologi dapat membantu dalam usaha ini. Dengan kemudahan teknologi perhubungan terbaru ibu-ibu berupaya menjalankan tugas mereka dari rumah dan sudah tiba masanya bagi majikan-majikan menyokong cara bekerja sebegini. Beliau mencabar kaum wanita untuk menjadi lebih kreatif dalam menyuarakan keperluan mereka. Sebagai contoh, memanjangkan tempoh cuti bersalin boleh digambarkan sebagai memberi peluang latihan kepada wanita lain dan pada masa yang sama, ibu tersebut pula dapat meluangkan masa yang lebih lama bersama bayinya.

Dr Hamidah Marican, yang berkhidmat sebagai pengurus bahagian Diversity & Inclusion di BP Asia yang merupakan ibu tunggal kepada seorang anak perempuan berumur 14 tahun, berpendapat bahawa tiada penyelesaian yang mudah untuk menangani situasi ini. Wanita yang inginkan kerjaya sememangnya terpaksa membuat pengorbanan. Beliau menggalakkan kaum wanita supaya tidak membuang masa melayani perasaan serba salah dan memastikan supaya terus membina kemahiran dalam pengurusan masa dan menetapkan apa yang penting bagi mereka. David Fuller, bekas Ketua Pegawai Operasi Malaysian Oxygen juga bersependapat dan menambah bahawa kaum wanita tidak perlu merasa segan atau malu untuk membuktikan kemahiran atau penguasaan mereka di dalam sesuatu bidang ataupun cita-citanya. Seorang wanita seharusnya menetapkan hala tuju dan jangka masa tersendiri untuk mencapai tahap tertinggi di dalam sebuah organisasi tersebut dan tidak hanya mengharapkan jawatan tersebut diberikan kepadanya.



Pada sesi petang Sidang Kemuncak, para peserta berpeluang untuk menimba ilmu daripada dua usahawati yang berbeza. Mereka telah mengorak langkah di dalam bidang yang unik dan amat mencabar dan telah mencapai kepuasan peribadi dan profesional. Elizabeth Carlassare pengasas *dotcomdivas.net* merupakan seorang wanita





muda dari Amerika Syarikat yang membina perniagaan yang berasaskan IT dan berjaya megembangkan syarikatnya selari dengan perkembangan sektor internet. Beliau telah menghasilkan sebuah buku yang membincangkan peranan internet yang kini membuka banyak peluang kepada golongan wanita. Fleksibiliti internet telah memberikan peluang untuk wanita meneruskan kerjaya dan pada masa yang sama memenuhi tanggungjawab kepada keluarga mereka.

Diana Rose pula merupakan bekas wartawan yang telah mengambil keputusan untuk pulang ke kampungnya di Mukah untuk meningkatkan sifat berdikari masyarakat Melanau menerusi usaha mempertengahan warisan budaya mereka yang unik. Pada tahun 1997, beliau menubuhkan Badan Budaya Melanau yang merupakan kumpulan tarian tradisi dan telah berjaya mengumpulkan dana untuk membina sebuah rumah tradisi bangsa Melanau yang digelar Lamin Dana.

Lamin Dana memberi para pengunjung peluang untuk menikmati kehidupan tradisi di Tellian. Peserta Sidang Kemuncak terpegun dengan cara penyampaian Diana yang bersemangat dan menyayat hati. Mereka kagum dengan pencapaian Diana yang berjaya merealisasikan cita-citanya. Lamin Dana kini merupakan perniagaan pelancongan yang berjaya dan telah memberi kaum Tellian kebanggaan terhadap identiti dan kebudayaan mereka yang tersendiri.

Penceramah-penceramah tersebut mengakhiri Sidang Kemuncak dengan memberikan kata-kata perangsang kepada para peserta. Mereka dapat menyayati pengalaman yang membuahkan hasil yang begitu memuaskan di mana cita-cita idaman penceramah-penceramah dapat menjadi kenyataan. Kami harap anda juga akan menyahut cabaran ini menerusi kandungan Laporan Khas Sidang Kemuncak Wanita 2006 ini.



WELCOME MESSAGE

YBHG DATUK FAIZAH MOHD TAHIR

*SECRETARY GENERAL, MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND
COMMUNITY DEVELOPMENT*



In Malaysia, there are more girls than boys at institutes of higher learning. Yet, top positions in the corporate world, in government, NGOs, and in academia are still predominantly occupied by men. Somewhere along the line, women are choosing not to aspire to be the boss, or head of department, or Minister, or indeed to assume any position of leadership. Why is this?

It was to answer this complex question that we launched the Women's Summit in 2003, in conjunction with the National Women's Day. We thought, rather than pat ourselves on the back for what we have achieved so far; we should seek to understand the issues confronting women which continue to hold the majority of us back, and which prevent women in Malaysia from achieving even more.





The Women's Summits are a platform for women to hear from successful women and to be inspired by them. But more than that, they are also a platform for women to voice their concerns and their personal experiences. Their input is crucial to us at the Ministry to formulate and implement policies that are relevant to women in Malaysia.

After having discussed, in previous summits, issues such as the 'glass ceiling' and other factors in the work environment that hinder the advancement of women, we felt it was time to tackle another very pertinent, and in some ways controversial, point: *ARE WOMEN READY FOR KEY POSITIONS?* Given this main theme, we hope to explore and appreciate the *Choices, Chances and Challenges* that face today's intelligent, educated and socially aware career woman.

We have invited some exceptional women to speak at our Perdana Panel this year. We are pleased to welcome to the Summit, Dr Noeleen Heyzer, Executive Director of UNIFEM, who is based in New York, but who regularly travels to places of strife and disaster around the world to promote women's security and rights. We have also invited one of Malaysia's own rising political star, Dato' Dr Ng Yen Yen who is not only Wanita MCA chairman, but also Deputy Minister Finance 1 of our government. Dato' Dr Ng is proof that a woman is capable of being an accomplished medical doctor, and a respected politician, and a mother to three successful sons!

Ladies & gentlemen,

Women have been trying to engage in smart partnerships with men to enable them to deliver a higher level of service in the workplace. At this year's Summit, we have a distinguished panel, of mostly men, who will discuss what it takes for women to tread this path to leadership. I have great pleasure in welcoming our panel comprising David Fuller, former CEO of Malaysian Oxygen;

Mohd Ashraf Iqbal, former CEO of Proton Cars UK/Europe; Datuk Peter Wentworth, CEO of BP Asia Pacific; and Dr Hamidah Marican, BP Asia's Regional Diversity and Inclusion Manager.

Finally, as part of the Expert Series, we have with us today two speakers who we believe will move women to act in unexpected ways. Elizabeth Carlassare, from the US, will speak about how she became named one of "Net's 25 movers and shakers in February 2001" by *Interactive Week Magazine*. Diana Rose, from Sarawak, will speak about heritage and culture as a source of community and economic empowerment. Their sessions, *Jumping Out of Your Comfort Zone* and *Rowing Upstream*, will be personal accounts of how these two women found success by moving into new areas of entrepreneurship.

With such speakers, we can expect very stimulating presentations which will inspire us, motivate us, and perhaps even make us question certain attitudes or belief systems which prevent us from realising our true potential.

We hope you will enjoy the day's programme and take this opportunity to engage in knowledge sharing sessions.

Thank you.





UCAPAN DASAR

YB DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

WOMEN'S SUCCESS - A STATE OF MIND



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izinNya dapat kita sekali lagi berkumpul pada tahun ini bagi menjayakan Sidang Kemuncak Wanita tahun 2006. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin mengalu-alukan kehadiran puan-puan dan tuan-tuan sekalian.





SIDANG KEMUNCAK WANITA – TUJUAN

Sidang Kemuncak Wanita diadakan saban tahun bertujuan menemukan wanita daripada sektor awam, korporat, akademik dan pertubuhan bukan kerajaan untuk membina satu visi yang sama dan mencari penyelesaian yang praktikal kepada sebahagian cabaran yang dihadapi oleh wanita di tempat kerja. Semenjak mula diadakan pada tahun 2003, Sidang Kemuncak ini menjadi wadah kepada wanita untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin terkemuka dalam pelbagai bidang untuk berkongsi kemahiran, pengalaman dan strategi.



SUCCESS - A STATE OF MIND

The Women's Summit was designed to provide our participants the opportunity to engage in direct dialogue with other women about workplace issues that are important to them. I believe the Summit is a vital mechanism for consultation. It is imperative that we continue to examine what is needed of women as partners in our country's development. How do we communicate a vision and influence others to work towards a common objective? How do we empower others through mentoring or other means? How can we generate a sense of openness to change and acquire new knowledge?

All this is part of a conscious, consistent



effort to create a state of mind and a working environment in which women can succeed and can feel they are contributing towards the economy in whatever their choice of occupation.

As more women become a part of the national 'workspace', they are bringing many positive attributes to the leadership process, including thoughtfulness, sensitivity, a collaborative approach and a caring spirit, all of which are critical to developing

a nation that is looking for ways to meet the challenges of globalisation without compromising on the quality of life and the integrity of the family unit. I also believe that as more women participate at the decision-making level in the development process, we can help raise the level of efficiency and creativity in the 'workspace'.

The Ministry of Women, Family & Community Development is working towards maximising opportunities and choices for women. Since the establishment of the Ministry we have had many major achievements:

- More women attaining higher levels of education;
- More women in the workforce;
- More women in positions of influence and leadership;
- Greater support for women raising families and providing care; and
- Better health outcomes for women.

Saya pernah mengatakan bahawa pengisian jawatan-jawatan yang belum pernah diterokai seperti Naib Canselor di universiti-universiti tempatan serta pihak pengurusan tertinggi dalam syarikat-syarikat





berkaitan kerajaan atau Government Linked Companies merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh wanita di Malaysia. Kini ternyata wanita telah berjaya menahuti cabaran tersebut dengan perantikan dua orang wanita menjadi naib canselor universiti baru-baru ini iaitu Y.Bhg. Datuk Rafiah Salim sebagai Naib Canselor Universiti Malaya, universiti terulung di negara kita; Y.Bhg. Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin sebagai Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pepatah ada mengatakan, “Apa tampang, itulah tumbuhnya” saya amat berbangga pada hari ini untuk mengatakan bahawa usaha kerajaan memperkenalkan dasar sekurang-sekurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam pada tahun 2004 telah mula menampakkan hasilnya. Walaupun kadar penyertaan wanita yang memegang jawatan penting masih jauh ketinggalan berbanding lelaki dan banyak lagi usaha perlu dilaksanakan untuk mencapai sasaran, tetapi ia telah menunjukkan perkembangan yang amat positif khususnya dalam bidang-bidang yang sebelum ini hanya diterajui oleh kaum lelaki.

ISSUES FACED BY WOMEN

One of the most difficult issues that women in countries all over the world are grappling with today is the pressure of balancing the demands of work and home. Let's face the facts. Women are the ones that have the babies, and the choices forced upon them when they start a family have enormous consequences. They are our country's traditional caregivers and, as such, continue to struggle with the basic questions of family and community. Many feel sandwiched between caring for young children and elderly parents. At the same time, they face a working environment and the willingness to put their jobs first. If they want to rise to the top in their organisation, they have to dedicate themselves to their work, often to the exclusion of almost everything else.



Fortunately, many companies are focussing efforts on attracting and keeping women at senior levels. They are finding that executive women benefit from flexible schedules, the ability to telecommute, better family leave policies, business opportunities and mentors. In all this, I cannot but emphasise the need for supportive families.

USAHA KERAJAAN

Dalam mengatasi masalah ini memang tidak dapat dinafikan kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membantu wanita membina kerjaya sehingga berjaya menjawat jawatan penting. Kerajaan sedar wanita yang bekerja menghadapi banyak cabaran kerana perlu memainkan dua peranan iaitu sebagai pengurus rumah tangga dan pekerja.

Umpamanya, bagi membantu keluarga yang berpendapatan rendah, kerajaan telah bersetuju menubuhkan taman asuhan kanak-kanak berasaskan komuniti (community-based childcare centre) iaitu TASKA komuniti pada tahun 2005. Kerajaan juga menggalakkan Kementerian atau Jabatan menubuhkan TASKA di tempat kerja dengan menyediakan pelbagai insentif. Bagi menjamin kualiti pengasuhan kanak-kanak tidak diabaikan, usaha memperkemas aspek pengurusan dan pemantauan pusat penjagaan kanak-kanak sedang dibuat melalui pindaan ke atas Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

Rancangan Malaysia Ke-9 juga memberi penekanan kepada usaha mempertingkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan. Beberapa teras strategik telah digariskan bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan. Antara strategi yang akan terus dilaksanakan termasuk meningkatkan penyediaan kemudahan sokongan bagi membolehkan wanita menyertai pasaran pekerjaan seperti penyediaan peraturan kerja yang kondusif, mewujudkan peraturan kerja baru dan fleksibel seperti telekerja, kerja sambilan dan perkongsian kerja. Strategi ini diharap dapat membantu wanita untuk terus kekal dalam pasaran pekerjaan.





Pihak kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mencapai kesaksamaan gender dalam bidang pekerjaan, termasuklah melalui penguatkuasaan undang-undang. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan Gender dalam mesyuaratnya pada 27 Julai 2006 telahpun bersetuju supaya ditubuhkan satu jawatankuasa antara agensi bagi mengkaji peraturan dan undang-undang berkaitan pekerjaan yang tidak memenuhi standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) serta berat sebelah dari segi gender. Jawatankuasa tersebut akan dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Akhir kata, terima kasih jua saya ucapkan kepada semua dif-dif jemputan, penceramah dalam dan luar negara serta peserta kerana telah sudi hadir menjayakan Sidang Kemuncak Wanita 2006. Kepada pihak urusetia, syabas dan terima kasih saya ucapkan kerana telah bekerja bertungkus lumus demi menjayakan persidangan ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.

PANEL PERDANA
PROSIDING SIDANG
KEMUNCAK WANITA 2006



ADAKAH WANITA
BERSEEDIA UNTUK
MENYANDANG
JAWATAN PENTING?
PILIHAN, PELUANG
DAN CABARAN

**PEMIMPIN WANITA SEBAGAI AGEN
PERUBAHAN**

DR NOELEEN HEYZER

*PENGARAH EKSEKUTIF, DANA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU
BAGI WANITA (UNIFEM)*

DR HEYZER MERUPAKAN PENGARAH EKSEKUTIF PERTAMA DARI NEGARA SELATAN YANG MENERAJUI UNIFEM. UNIFEM MERUPAKAN AGENSI DI BAWAH UN YANG MEMPERJUANGKAN PEMERKASAAN DAN KESAKSAMAAN WANITA. DENGAN MENYERTAI UNIFEM, BELIAU TERLIBAT SECARA LANGSUNG DENGAN ASPEK-ASPEK WANITA SEPERTI MEMPERKUKUHKAN HAK DAN KESELAMATAN EKONOMI WANITA, MEMBANTU MENYELESAIKAN KONFLIK DAN KEAMANAN DI KALANGAN KEPIMPINAN WANITA, MENAMATKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA DAN MEMPERJUANGKAN HIV/AIDS DARI PERSPEKTIF GENDER.





DI BAWAH KEPIMPINANNYA, UNIFEM TELAH BANYAK MEMBANTU NEGARA-NEGARA UNTUK MERUMUSKAN DAN MELAKSANAKAN DASAR SERTA PENGUATKUASAAN DALAM USAHA KESEDARAN TENTANG HAK DAN KESELAMATAN WANITA. IA TELAH MEMBAWA KEPADA PEMBARUAN UNDANG-UNDANG TRADISI, PERSEKITARAN KERJA YANG LEBIH BAIK BAGI PEKERJA PENDATANG, PROSES RUNDING DAMAI DAN POLITIK DI KALANGAN WANITA. UNIFEM JUGA TELAH BERJAYA MEMBAWA AGENDA WANITA KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU.

Dr Noeleen Heyzer telah memulakan perbincangan dengan mengutarakan pendapatnya bahawa persoalan, “Adakah wanita bersedia untuk memegang jawatan penting?”, sebenarnya sudah tidak lagi timbul pada masa kini. Pada pendapat beliau, persoalan yang lebih relevan adalah sama ada wanita telah mempersiapkan diri mereka untuk menjadi pemimpin.

Ketika ini lebih ramai wanita berada di peringkat kepimpinan tertinggi sama ada dalam bidang politik mahupun swasta. Wanita juga telah lama membuktikan bahawa mereka merupakan pemimpin yang baik bukan sahaja di peringkat bawahan malah sebagai pemimpin negara. Sebagai bukti, pada tahun 2006 dua pemimpin wanita negara yang baru telah muncul, iaitu Ellen Johnson Sirleaf, Presiden Liberia dan Michele Bachelet, pemimpin negara Chile.

Menurut Dr Heyzer lagi, kedua-dua pemimpin itu tidak bersendirian di peringkat pucuk kepimpinan. Di seluruh dunia, kini terdapat 11 ketua negara, 23 menteri luar dan 12 menteri pertahanan yang terdiri daripada wanita. Malah di Rwanda, sebuah negara mundur di benua Afrika, wanita menguasai 49 peratus daripada kerusi parlimennya, iaitu jumlah tertinggi di dunia di sesebuah negara.





Dr Heyzer juga berpendapat bahawa wanita telah menguasai bidang ekonomi. Setakat ini, terdapat 20 menteri ekonomi serta 45 menteri berkaitan dengan perdagangan dan industri dari kalangan kaum wanita. Wanita di sektor swasta juga memperlihatkan penguasaan yang bertambah. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-

bangsa Bersatu (PBB), sekurang-kurangnya 10 daripada 500 syarikat dimiliki oleh golongan wanita.

Wanita juga mampu memainkan peranan sebagai agen perubahan yang berkesan dalam membawa keamanan di sesebuah negara. Di Liberia, rakyat wanita negara itu telah keluar memberi sokongan penuh di pilihanraya dan mengundi untuk perubahan di negara mereka yang selama ini bergolak. Ini jelas membuktikan bahawa mereka sedar bahawa perubahan hanya akan dicapai melalui pembentukan undang-undang dan polisi.

